

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1976**

**PERINTAH MAHKAMAH ATAU PERINTAH PEMUNGUT HASIL
TANAH TERHADAP PINDAHMILIK TANAH YANG
MEMPUNYAI SEKATAN HAK**

Perhatian Pemungut-Pemungut Hasil adalah ditarik berkenaan dengan Sekatan Hak di atas Surat Hakmilik Tanah yang berbunyi berikut:-

“Tanah yang dipajakan ini tidak boleh di tukar milik, dipajak atau dicagar melainkan dengan kebenaran daripada pihak Berkuasa Negeri.”

2. Permohonan untuk tukar atau pindahmilik hendaklah di kemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapat persetujuan sesuai dengan sekatan hak yang dikenakan kepada tanah itu.
3. Berkenaan dengan Perintah yang dibuat oleh Mahkamah atau perintah yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah berkaitan dengan pindahmilik pembahagian harta-pusaka bagi tanah yang tertakluk kepada syarat atau pun “sekatan” mengenai ‘transmission’ maka permohonan seperti diperenggan 2 atas hendaklah dibuat sebelum perintah tersebut boleh didaftarkan.
4. Oleh itu dengan ini Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 7/1975 adalah dibatalkan

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 675 (103)

KUALA LUMPUR
25HB MEI 1976